

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATO PROF DR KAMARUDDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM
ISTIADAT KONVOKESYEN KEEMPAT UniMAP
PADA 14 OGOS 2009 DI DEWAN WARISAN, KANGAR**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat ke Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Keempat UniMAP pada malam ini.

Sesungguhnya, Patik sebagai mewakili UniMAP amat berbangga kerana dikurniakan seorang Canselor yang begitu

komited dan memberi kerjasama penuh dalam setiap aktiviti dan penganjuran program di universiti yang Tuanku naungi ini.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Mad Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri

Yang Berhormat Datuk Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yg Bhg Datin,

Yang Berhormat Dato` Mohamed Zabidi bin Zainal,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yg. Bhg Datin

Yang Berhormat, Tuan Abdul Rasid Sudin, Penasihat Undang-undang Negeri Perlis merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Isteri,

Yang Berhormat Datuk Haji Musa Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Perlis dan Yg Bhg Datin,

Ahli-ahli Yang Berhormat dan Isteri,

Y. Berbahagia Tan Sri Dr. Haji Zainul Ariff Bin Haji Hussain,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis dan
Yang Berbahagia Puan Seri.

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia, Dif-Dif Kehormat, Naib-naib Canselor IPTA
atau wakil dan Naib Canselor/Rektor universiti luar negara
atau wakil, dan Wakil-wakil Industri,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-
ketua Jabatan,

Wakil-wakil Media yang Dihormati, Warga kerja dan para
pelajar UniMAP yang dikasihi sekalian.

, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat

**Karam bahtera di paya lokan
Dapat durian sama kuini
Salam sejahtera saya ucapkan
Buat sekalian yang ada disini**

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa
syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus

bermurah hati memanangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam Majlis Santapan Malam sempena Istiadat Konvokesyen Keempat UniMAP pada malam ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang telah sudi hadir dan memeriahkan lagi majlis kami pada malam ini.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa Majlis Santapan Malam kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Ladies and Gentlemen,

I am most grateful to Allah, the most gracious and most merciful, for His blessings in giving us this opportunity to gather this evening on the occasion of Makan Malam Istiadat in Conjunction with Istiadat Konvokesyen Ke-4 UniMAP. This dinner is our show of appreciation and to pay due recognition and acknowledgement to some of UniMAP's graduates students who excel in their study and also UniMAP's partners -- the sponsors, Malaysian industries -- for their endless and continual support to the University.

It is my great pleasure to welcome all of you to this humble yet pleasant dinner. Let us give a round of applause to our distinguished guests.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Hari esok bakal menyaksikan satu lagi sejarah terukir di dalam kalender akademik UniMAP apabila 1,012 orang graduan bakal menerima Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah masing-masing.

Alhamdulillah, bermula dengan hanya seramai 111 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik ketika istiadat pertama pada tahun 2006 yang lalu, UniMAP kini boleh berbangga apabila bilangan graduan telah meningkat hampir 10 kali ganda.

Lebih membanggakan lagi, apabila graduan yang dihasilkan pada istiadat konvokesyen keempat ini bukan sahaja membabitkan dua pusat pengajian sebagaimana istiadat pertama dahulu, sebaliknya graduan pada sidang kali ini membabitkan 12 program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 6 program pengajian di peringkat Diploma.

Suka juga saya mengumumkan di sini, tahun ini juga bakal merakamkan memori buat graduan lulusan Diploma sulung

UniMAP yang memulakan pengajian masing-masing pada tahun 2006 yang lalu.

Tidak ketinggalan, UniMAP juga akan memberikan penghormatan dengan menganugerahkan **Ijazah Kehormat Doktor Sains (Hon.D.Sc.)**, kepada **Y. BERBAHAGIA PROFESOR DATO' DR HASSAN SAID** sebagai mengenang jasa-jasanya memberikan bimbingan, nasihat, serta sokongan padu yang tidak berbelah bagi dalam kewujudan UniMAP, serta **Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Hon. D. Eng.)** kepada **PROF. DR. KARL KOHLHOF** yang merupakan mentor dan konsultan akademik UniMAP dalam usaha memperkenalkan kaedah penerapan ilmu secara praktikal di UniMAP.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ialah **ayat 1 hingga 5 surah al-'alaq**. Perintah iqra' yang bermaksud 'bacalah' kepada Nabi S.A.W, adalah isyarat betapa Islam memberikan perhatian yang cukup besar tentang kepentingan ilmu dalam menentukan darjat manusia. Maka atas kepentingan ilmu itulah, kerajaan sedaya upaya berusaha menunaikan tanggungjawabnya kepada rakyat. Pada setiap tahun bidang pendidikan mendapat peruntukan yang kedua terbesar selepas Kementerian Pertahanan.

Dalam bajet tahun 2008 yang lalu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 bilion perbelanjaan kepada Kementerian Pelajaran dan RM12 bilion untuk Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain peruntukan yang besar, kita juga dapat melihat bilangan orang yang mengejar ilmu pengetahuan semakin bertambah setiap tahun hingga bilangannya amat mengejutkan terutama sekali muda mudi kita dan pelajar-pelajar dalam pelbagai peringkat.

Ini merupakan antara bukti dan tanda positif bahawa kesedaran menuntut ilmu semakin meningkat samada mereka dari bandar atau luar bandar. Berdasarkan kesedaran meningkat ini, maka kita melihat wujud persaingan sengit untuk mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Dalam konteks ini, UniMAP tidak terkecuali. UniMAP bukan sahaja berfungsi sebagai gedung untuk menghimpunkan masyarakat yang dahagakan ilmu sebaliknya UniMAP perlu menjadi pentadbir atau khalifah yang terbaik bagi memastikan setiap graduan yang dilahirkan adalah berkualiti dan mampu memberikan sumbangan kepada negara.

Semua ini dilakukan dengan hasrat merealisasikan misi UniMAP yang mahu menjayakan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia bukan sekadar

mahu melahirkan graduan yang cemerlang di dalam akademik sahaja. UniMAP mahu melahirkan graduan yang bersepada iaitu mereka yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan mempunyai personaliti unggul, berketrampilan, mempunyai akar umbi serta jatidiri bangsa Malaysia yang mantap, berdisiplin dan menjadi contoh dan 'role' model kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Lebih membanggakan saya, di sebalik kegawatan ekonomi yang melanda negara ketika ini dan kesukaran graduan mendapatkan pekerjaan terutama dengan penutupan kilang-kilang multinasional dan nasional di Malaysia, hampir 25 % bakal-bakal graduan UniMAP telahpun mendapat pekerjaan dan sebahagiannya turut memilih untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana.

Ini membuktikan bahawa bakal-bakal graduan ini adalah berkualiti serta mampu memenuhi kehendak pasaran kerja dan ia juga bermakna mahasiswa kita bukan setakat diterima masuk, malah kehadiran mereka di industri telah meninggalkan kesan yang nampaknya amat memberangsangkan.

Saya telah menerima maklum balas bahawa rata-rata pihak industri mengatakan bahawa mahasiswa UniMAP tidak kekok

apabila berhadapan dengan mesin dan peralatan di lantai bengkel.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Komitmen UniMAP terhadap kecemerlangan kini terbukti melalui penarafan Webometrics yang dijalankan oleh Cybermetrics Lab, sebuah institusi penyelidikan di Spain. Penarafan ini melibatkan analisa kuantitatif ke atas 13, 074 universiti di 240 negara daripada 5 buah benua di dunia membabitkan penilaian laman web universiti di seluruh dunia. Penilaian ini dibuat berdasarkan pelbagai kriteria yang telah ditetapkan dan kriteria-kriteria tersebut perlu ada pada laman web sesebuah universiti bagi memastikan ranking terbaik diperolehi.

UniMAP yang baru berusia tujuh tahun berada di tangga teratas 745 di pentas dunia iaitu dalam kategori 1,000 teratas bersama lima buah universiti lain iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di Malaysia, penarafan Webometrics menempatkan UniMAP di tangga ke tiga di belakang UTM dan Universiti APEX, USM. Penarafan Webometrics juga mencatatkan kedudukan universiti teknikal, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di tangga 2,000 teratas, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

(UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di tangga 3,000 teratas.

Bagaimanakah Webometrics menjadi indikator kepada kecemerlangan universiti ? Web telah dimanfaatkan oleh universiti di seluruh dunia untuk mempamerkan aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, komunikasi ilmiah, hasil penyelidikan dan pengantarabangsaan.

UniMAP juga tidak terkecuali menggunakan platform Web sebagai medan promosi, pusat akses kepada sumber maklumat dan jaringan kerjasama antara universiti, pelajar dan penyelidik. Penarafan Webometrics menunjukkan bagaimana kita menyebar luas maklumat mengenai UniMAP ke seluruh dunia dan maklumat ini boleh dicapai melalui empat enjin pencari terkemuka iaitu Google, Yahoo, Live Search dan Exalead.

Bagi aspek komunikasi ilmiah, Webometrics menggambarkan tahap aktiviti penyelidikan di UniMAP dan bagaimana impak penyelidikan disebarluaskan kepada komuniti seluruh dunia melalui platform Web.

Selaras itu, penarafan Webometrics perlu diberi perhatian dan UniMAP sentiasa beriltizam ke arah kedudukan penarafan terbaik pada masa akan datang. Kita komited ke arah menggunakan pakai dan memberi nilai tambah kepada amalan

terbaik yang dijalankan oleh *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) yang bukan sahaja hebat dalam aspek penarafan Webometrics, malahan juga penarafan Shanghai Jiao Tong yang meletakkannya pada tangga 5 terbaik dan penarafan THES pada tangga ke-9 terbaik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Insya Allah, UniMAP akan terus melakarkan lebih banyak sejarah dan kejayaan selepas ini dan saya sendiri tidak sabar untuk melihat graduan Antarabangsa dari pelbagai negara di dunia ini menerima ijazah masing-masing pada istiadat Konvokesyen UniMAP.

Mungkin anda semua telah sedia maklum, bagi sesi pengambilan pelajar tahun ini, UniMAP telah merubah lanskap pembelajaran dan pengajaran apabila buat julung kalinya, graduan Antarabangsa mendaftar masuk untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda yang kita tawarkan.

Seramai 70 orang pelajar dari China, Indonesia, Yemen, Sudan dan Mauritius telah memilih UniMAP sebagai destinasi pengajian tinggi pilihan mereka yang mana ini akan memberikan lebih saingan untuk pelajar tempatan berusaha sebaik mungkin untuk menempatkan diri masing-masing dalam kelompok cemerlang.

Sememangnya harus diakui, dalam dunia yang begitu kompetitif dan tidak menentu ini, dunia akademik juga tidak dapat lari daripada persaingan. Namun saya melihat persaingan ini dalam sudut yang positif yang mana ia akhirnya akan memotivasi kita untuk memberi yang terbaik kepada masyarakat di Perlis amnya dan Warga UniMAP khasnya.

Proses pengantarabangsaan di UniMAP tidak hanya terhenti di sini. Dari sehari ke sehari UniMAP terus mengorak langkah untuk mengenalpasti rakan kerjasama strategik yang baru dari serata negara.

Dan buktinya dapat dilihat pada malam ini, apabila kita telah berjaya memeterai 13 lagi kerjasama strategik dengan Institusi Pendidikan dan Pengajian Antarabangsa yang merupakan kerjasama terkini UniMAP yang dibuat pada tahun ini.

Semoga dengan kerjasama yang telah dimeterai ini akan membolehkan UniMAP terus unggul di persada pendidikan negara sekaligus mencapai sasaran menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2015.

Selain Institusi Antarabangsa, MoU pada malam ini juga menyaksikan 10 perjanjian termeterai antara UniMAP dan rakan industri dan pendidikan tempatan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua dif kehormat dan tetamu jemputan khas yang sentiasa menyokong keluarga UniMAP selama ini. Besarlah harapan saya agar sokongan dan kerjasama anda akan berterusan selagi hayat di kandung badan.

Terimalah serangkap pantun daripada saya :

Ayam serama serata reban
Makan di ladang sebutir kulat
Kerjasama serta segala bantuan
Akan dikenang ke akhir hayat

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat kami semua. Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.